



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **KEMPEN KIBAR BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN DAN *BIODEGRADABLE FUN RUN KICK - OFF SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2020***

**KUALA LUMPUR, 19 Januari 2020** – YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyerahkan 400 bendera Wilayah Persekutuan kepada Parlimen dan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020 (SHWP 2020) yang disambut pada setiap 1 Februari di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Matlamat utama kempen ini adalah untuk meningkatkan kecintaan kepada Wilayah Persekutuan dalam kalangan warganya di samping menyemarakkan acara dan program SHWP 2020. Penglibatan rakyat dalam kempen dan SHWP 2020 ini mencerminkan imej masyarakat Wilayah Persekutuan yang harmoni, prihatin, maju dan sejahtera.

Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan ini dilaksanakan dengan kerjasama agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL). Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini adalah sebanyak 26,000 unit bendera Wilayah Persekutuan pelbagai saiz dipasang di semua jalan-jalan utama, pejabat-pejabat kerajaan, tempat-tempat awam dan di kawasan-kawasan perumahan di Kuala Lumpur. Permis – permis perniagaan juga dimohon untuk mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan bermula 15 Januari hingga 6 Mac 2020 di bangunan masing-masing. Pemilik bangunan dan orang ramai boleh mendapatkan bendera Wilayah Persekutuan di Kaunter Bayaran, Jabatan Kewangan DBKL pada harga RM12.00 seunit.

Program *Biodegradable Fun Run* 2020 yang disertai 3000 orang adalah sebagai tanda sokongan terhadap penggunaan produk biodegradasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tujuan program ini adalah untuk menambahkan lagi kesedaran kepada orang ramai akan kepentingan pemuliharaan alam sekitar melalui penggunaan produk biodegradasi khususnya di Wilayah Persekutuan.

Kementerian telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan berterusan terhadap peniaga yang tidak mematuhi arahan penggunaan produk biodegradasi di Wilayah Persekutuan. Pada tahun 2019 sebanyak 432 notis amaran dan 1156 kompaun telah dikeluarkan yang melibatkan pemeriksaan terhadap 2707 premis perniagaan di Kuala

Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Tindakan penguatkuasaan juga diambil bagi mereka yang tidak mematuhi larangan penggunaan straw plastik di Wilayah Persekutuan.

Program-program berbentuk *Communication, Education and Public Awareness* (CEPA) terus dilaksanakan oleh kerajaan dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman serta kerjasama orang ramai dan peniaga. Warga Wilayah Persekutuan perlu berfikiran lebih positif dalam menjayakan inisiatif ini. Orang ramai juga disarankan untuk membawa beg sendiri semasa membeli belah, membawa bekas sendiri sewaktu membungkus makanan dan menggunakan straw minuman *alternative* seperti straw guna semula, straw kertas dan straw biodegradasi. Ini dapat merealisasikan 100 peratus penggunaan produk biodegradasi dan *zero plastic* di Wilayah Persekutuan. Inisiatif ini bukan sahaja memberikan kebaikan kepada generasi yang sedia ada malah kepada generasi yang akan datang.

**Disediakan Oleh:**

**Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan**